



Majlis Sambutan Hari Raya

Aidilfitri
1446H | 2025M

Anjuran
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Sabtu, 13 Syawal 1446H / 12 April 2025M

Dewan Plenary

Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam

مَجْلِسُ سَبُوتَنْ
هَارِيَ رَأَيِ عَيْدِ الْفِطْرِيِّ
٢٠٢٥/١٤٤٦

انجورن

يَا سُلَطَانُ حَاجِ حَسَنَ الْبَلْقِيِّ



فَرَادَ وَانْ مِشَارَكَتْ دَالْمَرْ مِنْحَاقَاهِي اسْقِيرَاسِي نِكَارَا

Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam,
Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.), Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.),
Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) (Malaysia), Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order
of Chula Chom Kiao (Thailand), The Bejewelled Grand Cordon of Renaissance (Jordan),
Member of The Royal Order of The Seraphim (Sweden), Grand Cross of the Netherlands (G.K.N.L.) (Netherlands),
Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea),
The Order of Princess Olha, First Class (Ukraine),
Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.) (Johor), Darjah Kerabat Selangor Yang Utama (D.K.) (Selangor),
Darjah Kerabat Yang Utama (D.K.) (Kelantan), Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S.)**

Isi Kandungan

9 *Titah*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

15 *Sekapur Sirih*

19 *Atur Cara*

22 *Ristaan*

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(1424H-1445H / 2003M-2024M)
dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

28 *Koleksi Gambar*

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
1445H / 2024M Anjuran Yayasan
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

48 *Senarai Peserta*

92 *Ahli Jawatankuasa Tertinggi*

96 *Ahli Jawatankuasa Kerja*

108 *Penghargaan*

Selamat
Hari Raya
 Aidilfitri

1446H | 2025M

Maaf Zahir & Batin

Titah



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**
mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Pada Hari Isnin, 12 Syawal 1445H bersamaan 22 April 2024M
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

*Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.*

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmatNya juga, dapatlah kita merayakan 'Idil Fitri yang mulia ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Dalam masa kita bersukaria menyambut 'Idil Fitri, kita hendaknya tidak melupakan nasib sebilangan umat Islam yang ditimpa musibah dan kesengsaraan, seperti umat Islam di bumi Palestin. Sebagai orang Islam yang beriman, kita patut memberi perhatian kepada sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam riwayat al-Bukhari maksudnya, bahawa tidak sempurna iman seseorang kecuali dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.

Sekurang-kurangnya kita mesti mendo'akan mereka. Do'a hanyalah sekecil-kecil ikhtiar untuk membantu saudara-saudara seugama, namun ia mustahak sebagai sifatnya 'senjata' bagi orang-orang beriman.

Menyentuh mengenai sikap prihatin, Beta menyambut baik tema sambutan 'Idul fitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang menekankan dua nilai kemanusiaan iaitu "Pemedulian dan Prihatin" yang memang sudah menjadi darah daging kepada kita orang-orang Brunei, selaku warisan turun temurun dari nenek moyang.

Beta bangga dengan penglibatan para belia kita melaksanakan pelbagai inisiatif kesukarelawanan seperti membantu golongan yang memerlukan di negara sendiri sehingga ke luar negara, misalnya mengumpulkan sumbangan dan pengendalian penghantaran ke bumi Palestin. Beta ucapkan syabas kepada mereka.

Beta gembira mengalu-alukan kehadiran penuntut-penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang dianggap mewakili semua rakan pelajar lain yang sama-sama terlibat melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Amatlah sesuai mereka ini diketengahkan sebagai peserta dalam sambutan tahun ini.

Beta difahamkan kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar. Inisiatif ini pada hemat Beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangkan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian.

Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidaklah terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan. Disana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan perkembangkan, misalnya bidang keugamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar.

Tahun demi tahun kita menyaksikan ribuan para graduan tempatan telah dilahirkan, sama ada melalui institusi-institusi pengajian tempatan mahupun luar negara. Negara sangatlah gembira dan berbangga memiliki generasi yang mampu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.

Inilah antara hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu supaya negara berhasil melahirkan rakyat yang berpendidikan dan sekaligus berkemahiran tinggi. Jika ini benar-benar berhasil dicapai, maka itulah jawapan untuk merujuk kepada negara dan masyarakat 'maju'.

Akhirnya, Beta merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua lapisan warga Yayasan Beta dan semua mereka yang terlibat mengungkayahkan Sambutan Hari Raya 'Idil Fitri pada tahun ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Selamat
Hari Raya
 Aidilfitri

1446H | 2025M

Maaf Zahir & Batin

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلٰى الٰهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ



Setinggi puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan kurnia rahmat, taufiq dan hidayahNya jua Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dapat menganjurkan acara tahunan, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M iaitu sambutan untuk kali yang ke-21 sejak acara ini mula dilaksanakan pada tahun 2003. Selawat serta salam ditujukan kepada Rasul Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sambutan tahunan ini sangat istimewa dan bertambah seri dengan kurnia limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat bercemar duli ke Majlis ini berserta Ahli-ahli kerabat Diraja dan memberikan peluang keemasan kepada para jemputan khususnya para peserta untuk bersua muka, beramah mesra dan junjung ziarah dengan raja yang sangat dikasihi dan disanjung tinggi.

Limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan titah di Majlis ini merupakan suatu yang amat bermakna dan dinanti-nantikan oleh semua pihak terutamanya para peserta bagi memberikan suntikan semangat, inspirasi dan perangsang kepada mereka dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah serta seluruh pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Baginda berdua dan Ahli-ahli Kerabat Diraja yang merupakan suatu kurnia yang sangat tinggi nilainya dan mencerminkan keprihatinan mendalam dan berterusan Baginda terhadap Yayasan Baginda serta sekali gus meningkatkan semangat dan keyakinan kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di dalam mengungkayahkan Majlis berkebajikan ini pada setiap tahun dengan mengetengahkan kategori peserta dari latar belakang yang berbeza dalam menjana kesejahteraan dan kepentingan ugama, raja, bangsa dan negara.

Bagi tahun ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menjunjung tinggi dan menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menganjurkan acara tahunan ini dengan

tema "PERPADUAN MASYARAKAT DALAM MENCAPI ASPIRASI NEGARA." Tema ini mencerminkan komitmen jitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menyemarakkan semangat kerjasama, kesatuan, dan keharmonian dalam kalangan masyarakat iaitu dengan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mewujudkan sinergi yang kuat ke arah mencapai kemajuan bersama, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dalam mendukung tema tersebut, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang memainkan peranan penting dalam mendekati dan memahami serta mendepani keperluan masyarakat secara lebih mendalam. Mereka merupakan saluran utama dalam merakit dan menyantuni, merapatkan hubungan, dan membimbing ahli-ahli masyarakat ke arah pembangunan yang lebih holistik.

Kumpulan pertama mewakili komuniti tempatan di peringkat akar umbi yang memahami keperluan dan aspirasi penduduk setempat ke arah mengukuhkan nilai kerohanian, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Mereka terdiri daripada ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Surau; ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; dan Pengawas Kejiranan.

Kumpulan peserta kedua pula terdiri daripada para pengusaha mikro, kecil dan sederhana serta syarikat korporasi tempatan yang melaksanakan program pembangunan ekonomi dan pembinaan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ke arah membina masa depan masyarakat yang mampan dan berdaya tahan.

Manakala kumpulan ketiga pula terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation – NGO) yang melaksanakan program rehabilitasi dan sosioekonomi bagi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan golongan tertentu yang memerlukan bantuan.

Komitmen dan peranan kesemua kumpulan peserta ini setentunya dapat memberikan impak positif terhadap keharmonian dan kesejahteraan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan, inklusif dan dinamik bagi mencapai aspirasi negara – Wawasan Brunei 2035.

Di bulan mulia dan bersukut baik ini, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terus berdoa kehadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang adil dan berdaulat yang dikasihi rakyat akan sentiasa dalam kandungan sihat wal'afiat, bahagia, dilanjutkan usia, dan terus kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja.

Akhirnya, sukacita dirakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan menjunjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan yang terlibat dalam sama-sama menjayakan majlis tahunan yang berkebajikan ini. Semoga sokongan dan sumbangan tersebut diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai amal kebajikan jua dan mendapat balasan pahala yang berganda.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (BERSARA) DATO PADUKA SERI
[AWANG HAJI HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF]**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
Selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Selamat
Hari Raya
 Aidilfitri

1446H | 2025M

Maaf Zahir & Batin

Atur Cara

8.15 PAGI

Para Peserta Hadir

9.00 PAGI

Para Jemputan Khas Hadir

9.30 PAGI

Keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
berserta Kerabat Diraja

Bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat

Sembah Alu-Aluan

Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Santap / Jamuan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
berserta Kerabat Diraja dijunjung untuk menyaksikan pameran
dan beramah mesra dengan para peserta

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis

Majlis Bersurai



Ristaan

Ristaan

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(1424H-1445H / 2003M-2024M)

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Yayasan) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bermula pada tahun 1424H / 2003M.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini mengetengahkan unsur-unsur kemasyarakatan dimana para peserta di majlis ini adalah terdiri daripada kelompok-kelompok masyarakat yang telah dikenalpasti dapat memberikan kepentingan dalam menjana kesejahteraan, kebijakan dan kepentingan kepada negara dan penduduk.

Pada setiap majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah yang perlu sewajarnya untuk ditanai bagi kepentingan ugama, raja, bangsa dan negara. Baginda juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para peserta dan para jemputan.

Kategori peserta yang telah dijemput bagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dari tahun 2003 hingga 2024 adalah seperti berikut:



**MAJLIS SAMBUTAN
HARI RAYA AIDILFITRI**

PESERTA

Tahun 1424H / 2003M	Yayasan telah mengetengahkan para karyawan atau profesional muda sebagai pesertanya iaitu yang terdiri daripada kalangan anak-anak tempatan yang menjawat jawatan profesional.
Tahun 1425H / 2004M	Yayasan telah mengetengahkan peserta yang terdiri daripada orang-orang yang berjaya yang disifatkan sebagai ' achievers' dalam bidang dan lapangan tertentu iaitu terdiri daripada warga tempatan yang telah menerima anugerah, hadiah dan penghargaan kerana pencapaian cemerlang di atas kebolehan dan khidmat atau jasa bakti masing-masing.
Tahun 1426H / 2005M	Yayasan telah mengetengahkan peserta yang terdiri daripada ahli-ahli badan-badan bukan kerajaan (NGO's) yang sifatnya sebagai pertubuhan akar umbi yang diiktiraf telah memberikan sumbangan dalam memeduli hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan orang ramai melalui khidmat sosial mereka.
Tahun 1427H / 2006M	Yayasan telah mengetengahkan para pelajar (dari peringkat rendah hingga institut pengajian tinggi) berserta guru-guru mereka sebagai pesertanya.
Tahun 1428H / 2007M	Yayasan telah mengetengahkan kalangan ilmuan yang terdiri daripada pegawai-pegawai utama dan tenaga-tenaga akademik institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat latihan kemahiran sebagai pesertanya.
Tahun 1429H / 2008M	Yayasan mengetengahkan rakan strategik dan sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menjadi peserta.
Tahun 1430H / 2009M	Majlis ditiadakan disebabkan merebaknya penyakit H1N1
Tahun 1431H / 2010M	Yayasan telah mengetengahkan peserta yang terdiri daripada agensi-agensi penguatkuasa awam (selain dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei) yang berperanan dalam menjalankan amanah bagi memantau dan mengawal semua undang-undang dan peraturan-peraturan dijalankan dan dipatuhi serta mencegah dan membanteras kegiatan-kegiatan negatif yang boleh mengancam kestabilan dan kemakmuran Negara serta kesejahteraan rakyat dan pendudukan di Negara ini.
Tahun 1432H / 2011M	Yayasan telah mengetengahkan para pengusaha dari Perusahaan Kecil dan Sedarhana (SME) dan syarikat-syarikat kerjasama yang berdaftar dengan Kementerian Perindusterian dan Sumber-Sumber Utama; LiveWire dan i-Centre sebagai peserta iaitu bagi menghargai peranan dan usaha mereka dalam menyumbang kearah meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi Negara.
Tahun 1433H / 2012M	Yayasan mengetengahkan para profesional, pegawai dan kakitangan tempatan yang berkhidmat di 'Government Linked Companies' (GLC) dan sektor swasta sebagai peserta untuk menghargai peranan dan sumbangan GLC dan sektor swasta dalam menyumbang kearah meningkatkan dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi negara dan juga sumbangan mereka dalam pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia.
Tahun 1434H / 2013M	Yayasan mengetengahkan para pengusaha, persatuan, pelajar dan individu yang bergiat dalam sektor teknologi info-komunikasi (ICT).
Tahun 1435H / 2014M	Yayasan mengetengahkan para pemimpin yang terdiri daripada para pemimpin jabatan dari sektor Kerajaan dan swasta, para pemimpin dalam institusi ugama dan masjid, para pemimpin dalam institusi pengajian dan sekolah termasuk pemimpin pelajar; para pemimpin masyarakat termasuk pemimpin persatuan hingga peringkat akar umbi.
Tahun 1436H / 2015M	Yayasan mengetengahkan orang-orang kelainan upaya (OKU) berserta pengiring / pembantu mereka masing-masing dan ahli-ahli NGOs yang memberikan khidmat bantuan, bimbingan dan latihan kepada golongan OKU. Yayasan juga mengetengahkan sebahagian ahli sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terlibat aktif menyumbang khidmat bakti mereka membantu melaksanakan program-program amal dan pembangunan sosial yang diungkayahkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Ulang Tahun Penubuhan Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ke-10.

**MAJLIS SAMBUTAN
HARI RAYA AIDILFITRI**

PESERTA

Tahun 1437H / 2016M

Yayasan mengetengahkan **para profesional muda** iaitu kalangan anak-anak tempatan yang memegang jawatan eksekutif di sektor kerajaan dan swasta dan **para usahawan belia** (young entrepreneurs) yang menceburkan diri dalam pelbagai perusahaan secara persendirian termasuk para graduan institusi pengajian tinggi yang mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang keusahawanan dan lepasan graduan yang baru menceburkan diri dalam bidang perusahaan melalui skim-skim yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta.

Tahun 1438H / 2017M

Yayasan mengetengahkan **mereka yang berjaya ('the achievers')** yang telah mencapai kecemerlangan dan menerima anugerah atau pingat di atas pencapaian dan jasa bakti mereka di dalam bidang dan lapangan tertentu. Mereka ini telah mencapai kejayaan dan menerima pengiktirafan dalam pelbagai bidang sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan, baik dari peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa.

Tahun 1439H / 2018M

Yayasan mengetengahkan **para lepasan graduan institusi pengajian tinggi** yang berpotensi membantu memperkasa sektor swasta dengan kelulusan dan bidang pengajian mereka, dan **syarikat-syarikat swasta termasuk Government-Linked Companies (GLC)** yang memerlukan perkhidmatan lepasan graduan tempatan bagi memajukan dan mengembangkan syarikat mereka.

Tema : Memajukan Ekonomi Negara Dengan Memperkasa Sektor Swasta

Tahun 1440H / 2019M

Yayasan mengetengahkan **para petani, nelayan, peniaga, pengusaha dan individu yang terlibat dalam memajukan sektor pertanian** (termasuk tanaman, agrimakanan, ternakan, perikanan dan perhutanan); serta para belia dan pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang pertanian dan juga beberapa agensi yang terlibat mendukung sektor pertanian.

Tema : Sektor Pertanian: Survivabiliti Bangsa dan Negara

Tahun 1441H / 2020M

Majlis ditiadakan disebabkan penularan wabak COVID-19

Tahun 1442H / 2021M

Yayasan mengetengahkan **para peserta yang terdiri daripada para petugas barisan hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19** iaitu termasuk pegawai-pegawai perubatan 'medical team' yang terlibat secara langsung menangani pesakit COVID-19, pegawai-pegawai kesihatan awam, para pegawai dari pelbagai agensi yang terlibat menyumbangkan khidmat secara langsung mahupun tidak langsung menangani penularan wabak COVID-19 dan juga para sukarelawan yang turut membantu usaha tersebut.

Tema : Mensyukuri Nikmat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah

Tahun 1443H / 2022M

Yayasan mengetengahkan golongan para belia yang terdiri daripada **warga belia negara yang telah memberikan sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung dalam program keugamaan, kemasyarakatan, keusahawanan dan seni kreatif**. Manakala sebahagian lagi terdiri daripada para belia dan pelajar yang berpotensi untuk memberikan sumbangan terhadap pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Tema : Memperkasa Kecerdasan Belia Mampan

Tahun 1444H / 2023M

Yayasan mengetengahkan dua kumpulan peserta. Kumpulan pertama terdiri daripada **kombinasi wakil warga emas, para belia dan generasi muda iaitu golongan para pelajar**. Mereka ini mewakili segenap lapisan masyarakat yang mempunyai peranan masing-masing dalam mendukung dan menjayakan Wawasan Brunei 2035. Kumpulan kedua pula terdiri daripada **para pegawai dan kakitangan dari Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies – GLC) dan Syarikat Swasta serta Badan-Badan Berkebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation – NGO)** dengan fokus kepada isu Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibilities – CSR).

Tema : Memperkasakan Penglibatan Masyarakat Dalam Mencapai Wawasan Brunei 2035

Tahun 1445H / 2024M

Yayasan mengetengahkan dua kumpulan belia sebagai peserta. Kumpulan pertama terdiri daripada para penuntut dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang aktif dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan dalam apa jua bidang seperti kebajikan, keugamaan, keusahawanan, teknologi, alam sekitar, dan lain-lain. Manakala kumpulan kedua pula terdiri daripada para sukarelawan belia yang terlibat aktif dalam melaksanakan pelbagai program kesukarelawanan.

Tema : Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin

Ristaan



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah diadakan pada hari Isnin, 12 Syawal 1445 bersamaan 12 April 2024, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Majlis ini adalah merupakan kali ke-20 dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejak majlis ini mula diadakan pada tahun 2003.

Tema bagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah “MEMBUDAYAKAN BELIA PEMEDULIAN DAN PRIHATIN”. Tema tersebut bertujuan untuk memupuk, membudayakan dan memperkasakan sikap kesukarelawan dan kemasyarakatan khususnya di kalangan para belia.

Dua kumpulan belia yang diketengahkan sebagai peserta pada majlis tahun 1445H/2024M dalam mendukung tema “MEMBUDAYAKAN BELIA PEMEDULIAN DAN PRIHATIN”, iaitu terdiri daripada para penuntut dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan para

sukarelawan belia. Mereka ini aktif melaksanakan pelbagai aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan dalam apa jua bidang seperti kebajikan, keugamaan, keusahawanan, teknologi, alam sekitar, dan lain-lain.

Para penuntut adalah merupakan golongan berpendidikan yang merupakan aset bernilai negara yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan bagi memacu kemajuan pembangunan ugama, bangsa dan negara. Tema ini menitikberatkan keperluan untuk memupuk dan membudayakan sikap kesukarelawan dan kemasyarakatan di kalangan para penuntut ke arah melahirkan modal insan yang holistik dan seimbang dari segala aspek hidup yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keterlibatan para penuntut dalam program kesukarelawan dan kemasyarakatan juga mampu memperkasa kecerdasan rohani dan emosi mereka agar mempunyai semangat jati diri dan berdisiplin yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai murni dan akhlak mulia sebagai anak Brunei yang bertanggungjawab dan tidak ‘camah mata’ dalam sama-sama membantu menangani isu-isu pembangunan sosial selari dengan pendekatan senegara yang mantap *‘Whole of Nation Approach’*.

Penglibatan aktif para sukarelawan belia dalam melaksanakan program-program kesukarelawan dan kemasyarakatan adalah diharatkant dapat memberikan inspirasi dan contoh tauladan terbaik kepada golongan muda belia di negara ini.

Koleksi Gambar

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M
Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah























Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
serta Kerabat Diraja bergambar ramai bersama Ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

















Senarai Peserta

MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG

No.	Nama Peserta	Institusi / Persatuan / Jabatan / Kementerian / Syarikat
1	Awang Haji Tarip bin Haji Asgar	Pemangku Ketua Kampung Zon I Kampong Ayer selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
2	Awang Haji Mayalin bin Haji Saat	Pemangku Ketua Kampung Zon II Kampong Ayer selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
3	Awang Rahman bin Haji Kassim	Pemangku Ketua Kampung Zon III Kampong Ayer selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
4	Awang Haji Brahim bin Haji Abd Rahman	Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A' (Terunjing) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
5	Pengiran Jofri bin Pengiran Haji Zaidi	Ketua Kampung Lambak 'B' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
6	Awang Muhammad Redzuan Shah bin Haji Matal	Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
7	Awangku Aminur Aminuddin bin Pengiran Haji Mohammad Salleh	Ketua Kampung Lambak Kiri selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
8	Awang Abdul Hafiz bin Haji Abdul Manan	Ketua Kampung Jaya Setia, Jaya Bakti dan Burong Pingai Berakas selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
9	Awang Omar bin Haji Dollah	Ketua Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
10	Pengiran Wasli bin Pengiran Zohari/Zahari	Pemangku Ketua Kampung Anggerek Desa dan Pulaie selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
11	Pengiran Roslan bin Pengiran Tuah	Pemangku Ketua Kampung Serusop dan Delima Satu (Kampong Pengiran Siraja Muda) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
12	Awang Mohamad Norfarzulillah bin Gapar	Pemangku Ketua Kampung Madang selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

13	Awang Omar bin Haji Mohammad Alli	Pemangku Ketua Kampung Manggis I dan Manggis II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
14	Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shahbuddin	Ketua Kampung Sungai Tilong selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
15	Awang Haji Ibrahim @ Haji Brahim bin Haji Duraman	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
16	Awang Abdul Gahanin bin Haji Jais	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
17	Awang Haji Omar bin Haji Safar	Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
18	Awang Haji Mahir bin Mohammad Yusof	Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan III selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
19	Awang Haji Mohamad Fazzly bin Haji Suhaili	Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan IV selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
20	Awang Haji Hamidi bin Haji Abdul Wahid	Ketua Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan V selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
21	Awang Muhammad Sukairi bin Haji Abdul Rahman	Pemangku Ketua Kampung Sungai Hanching selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
22	Awang Haji Zailani bin Haji Abdul Malik	Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan I (Asal) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
23	Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan	Ketua Kampung Tungku dan Katok selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
24	Awang Haji Adanan bin Taha @ Awang Mohamad	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
25	Awang Haji Mohammad bin Haji Kabon	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
26	Pengiran Haji Hashim bin Pengiran Ismail	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan III selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

27	Awang Haji Julkepli bin Haji Ibrahim	Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan IV selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
28	Awang Mohammad Baddaruzzaman bin Awang Norzaman	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan V selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
29	Awang Joeiry bin Haji Mohammad Yassin	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Rimba Kawasan VI selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
30	Awang Haji Hassan bin Haji Ali	Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
31	Pengiran Mahmod Fakhrul Razi bin Pengiran Hamzah	Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
32	Awang Haji Adnan bin A.Haji Bagol	Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku Kawasan III selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
33	Awang Puspawira bin Haji Mohammad Noor	Ketua Kampung Rimba Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
34	Awang Abdul Manap bin Haji Amit	Pemangku Ketua Kampung Rimba Kawasan II (Termasuk Perumahan Armada II) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
35	Awang Wahab bin Timbang@Rosli	Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Rimba Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
36	Awang Ismail bin Haji Suhaili	Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Rimba Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
37	Awang Haji Hassan bin Haji Mohammad	Ketua Kampung Kiulap selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
38	Pengiran Muhammad Nurramzu Nasri bin Pengiran Haji Muhd Salleh	Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
39	Kapten (B) Pengiran Muhammad Redzuan bin Pengiran Haji Said	Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata Kawasan I, II dan III selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
40	Awang Haji Ali bin Haji Matassan	Pemangku Ketua Kampung Beribi Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

41	Awang Mohammad Faizal bin Haji Zaini	Ketua Kampung Beribi Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
42	Awang Mohammad Shair bin Haji Samsudin	Pemangku Ketua Kampung Kiarong Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
43	Awang Haji Othaman bin Haji Patra	Ketua Kampung Menglait dan Kawasan Sekitarnya selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
44	Awang Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid	Ketua Kampung Kilanas selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
45	Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin	Ketua Kampung Tasek Meradun dan Bunut selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
46	Awang Haji Abd Rahman bin Haji Jumat	Pemangku Ketua Kampung Tanjong Bunut selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
47	Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat	Ketua Kampung Bunut Perpindahan selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
48	Awang Haji Jumat bin Haji Salleh	Pemangku Ketua Kampung Madewa dan Telanai selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
49	Awang Muhammad Mu'izwan bin Kamran	Ketua Kampung Jangsak selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
50	Awang Muhammad Shukri bin Haji Masri	Ketua Kampung Sinarubai dan Burong Lepas selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
51	Awang Haji Talib bin Haji Bakar	Ketua Kampung Bengkurong selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
52	Awang Rasli bin Taram	Penghulu Mukim Kota Batu selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim
53	Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman	Ketua Kampung Menunggol selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
54	Awang Shahri bin Haji Durahim	Pemangku Ketua Kampung Pudak selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

55	Awang Zaini bin Haji Salleh	Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
56	Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit	Pemangku Ketua Kampung Sungai Lampai dan Pintu Malim, Kota Batu selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
57	Awang Haji Zaini bin Haji Awang Damit	Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
58	Awang Haji Saini bin Haji Maidin	Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'A', Buang Tekurok dan Panchor selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
59	Awang Haji E'rifin bin Haji Mohammad Yussof	Ketua Kampung Kasat selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
60	Awang Haji Suhaili bin Haji Moktar	Pemangku Ketua Kampung Lupak Luas, Tarap Bau dan Buang Sakar selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
61	Awang Haji Bujang bin Sabtu	Pemangku Ketua Kampung Mentiri selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
62	Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi	Ketua Kampung Mentiri Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
63	Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Ibrahim @ Pengiran Abdul Rahim	Ketua Kampung Sungai Buloh selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
64	Pengiran Halidi bin Pengiran Ibrahim	Pemangku Ketua Kampung Sungai Buloh selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
65	Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir	Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
66	Awang Haji Maidin bin Tarip	Ketua Kampung Batu Marang selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
67	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Pungut	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Mentiri Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
68	Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Mentiri Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

69	Awang A.Hamidun bin Mohammad Daud	Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Sungai Buloh (Bukit Sibanging) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
70	Pengiran Mazrawi bin Pengiran Haji Mahmod	Ketua Kampung Perumahan Negara Tanah Jambu selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
71	Awang Haji Muhammad Eddie Hardey bin Haji Brahim	Ketua Kampung Perumahan Negara Panchor Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
72	Awang Mohammad Hilmy bin Haji Ahmad	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Panchor Kawasan III selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
73	Awang Faidil Rosemady bin Mohamad	Ketua Kampung Perumahan Negara Panchor Kawasan IV selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
74	Awang Haji Hairul Azri bin Salamat	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Panchor Kawasan V selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
75	Awang Haji Ar'fan bin Haji Yussof / Mohamed Yusuff	Penghulu Mukim Pengkalan Batu selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim
76	Awang Muhammad Haikal bin Haji Kahar	Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Batu selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
77	Awang Mohaimin Haji Johari@Jahari	Pemangku Ketua Kampung Limau Manis selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
78	Awang Haji Tamam @ Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang	Ketua Kampung Junjongan selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
79	Awang Haji Saban bin Lamat	Ketua Kampung Batong selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
80	Awang Muhammad Firdaus bin Haji Sa'id @ Shamrey bin Lantang	Pemangku Ketua Kampung Bebuloh selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
81	Awang Moktal bin Haji Besar	Ketua Kampung Panchor Murai dan Wasan selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
82	Awang Mohammad Mu'az Hafizuddin bin Moksin	Ketua Kampung Masin selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

83	Dr Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman	Penghulu Mukim Sengkurong selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim
84	Pengiran Haji Yakub bin Pengiran Haji Mohammad Salleh	Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'A' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
85	Awang Abd Razak bin Haji Ismail	Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
86	Awang Hamizan bin Haji Mustapa	Ketua Kampung Mulaut selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
87	Awang Haji Hamdan bin Ajak	Pemangku Ketua Kampung Tanjong Nangka selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
88	Awang Yushahril bin Haji Abdul Rahman	Pemangku Ketua Kampung Kulapis selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
89	Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Sani	Ketua Kampung Lugu dan Katimahar selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
90	Awang Haji Latif bin Haji Tengah	Pemangku Ketua Kampung Tagap selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
91	Awang Mohammad Nazmi Fa'iz bin Haji Abu Bakar	Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
92	Awang Kamis bin Panjang	Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B' (Peninjau) selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
93	Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman	Ketua Kampung Kapok selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
94	Awang Madzlan bin Haji Jumat	Ketua Kampung Perumahan Negara Meragang Kawasan I selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
95	Awang Mohamad bin Haji Tamin	Ketua Kampung Perumahan Negara Meragang Kawasan II selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
96	Awang Abdul Hamid bin Haji Zinin @ Haji Zainin	Pemangku Ketua Kampung Perumahan Negara Serasa selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

97	Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin	Penghulu Mukim Kuala Belait selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim
98	Awang Haji Mohammad Yusof bin Haji Dulamin	Pemangku Ketua Kampung Mumong 'A' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
99	Awang Abdul Rahman Amin bin Jalani	Ketua Kampung Mumong 'C' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
100	Awang Muhammad Sufrizal bin Haji Hamdan	Pemangku Ketua Kampung Pekan Kuala Belait 'B' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
101	Awang Abdul Aziz bin Haji Seri	Ketua Kampung Pandan 'A' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)
